# Had Transaksi Tunai

# Pek Infomasi

# Ringkasan Eksekutif

Dokumen Konsultasi Awam Mengenai Had Transaksi Tunai *(Cash Transaction Limit, CTL)*

## Apakah yang dicadangkan?

- **Had transaksi tunai** (iaitu wang kertas dan duit syiling), sepertimana diperuntukkan di bawah Fasal 21 Rang Undang-Undang (RUU) Mata Wang 2019 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Disember yang lalu. Oleh itu, sebarang transaksi yang melebihi had tersebut hendaklah dilakukan sama ada secara elektronik, menggunakan cek atau melalui sistem perbankan.
- Had tersebut merangkumi semua transaksi yang melibatkan wang tunai seperti transaksi antara pengguna dengan pengguna, entiti dengan entiti, entiti dengan pengguna (dan sebaliknya).
- Walau bagaimanapun, transaksi tunai dengan atau melalui bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, pengendali berlesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, atau institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dikecualikan daripada had transaksi tunai tersebut. Sebagai entiti yang dikawal selia, institusi kewangan adalah tertakluk kepada pelbagai peraturan pencegahan pengubahan wang haram/pencegahan pembiayaan keganasan.
- Transaksi tunai dalam situasi mendesak seperti untuk bantuan kemanusiaan dan bantuan bencana dikecualikan daripada had tersebut. Namun, pengecualian ini memerlukan kelulusan daripada Menteri Kewangan berdasarkan saranan oleh Bank Negara Malaysia.
- Pemecahan atau penstrukturan sesuatu transaksi dengan tujuan yang sengaja untuk mengelak had transaksi tunai merupakan suatu kesalahan. Jika sabit kesalahan, kedua-dua pihak (pembayar dan penerima) dalam transaksi berkenaan akan dikenakan denda tidak melebihi tiga kali jumlah atau nilai transaksi agregat pada masa kesalahan tersebut dilakukan.

## Mengapakah inisiatif ini diperlukan?

- Sifat wang tunai yang sukar untuk dikenal pasti dan dijejak menjadikannya medium transaksi yang ideal untuk memudahkan aktiviti haram.
- Penilaian Risiko Nasional Malaysia 2017 Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan mendapati rasuah, penipuan, penyeludupan, pengedaran dadah dan jenayah terancang merupakan jenayah berisiko tinggi. Penilaian ini juga merumuskan bahawa wang tunai masih amat terdedah kepada penyalahgunaan. Sasaran langkah ini adalah terhadap transaksi tunai bernilai tinggi yang lebih berisiko tinggi untuk disalahgunakan.

**Apakah objektif langkah ini?**

- Had transaksi tunai merupakan antara langkah yang dilaksanakan untuk menangani risiko pengubahan wang haram dan aktiviti haram. Langkah ini merupakan pencegahan tambahan terhadap penyalahgunaan wang tunai selain untuk melengkapi langkah sedia ada seperti laporan transaksi yang mencurigakan (*Suspicious Transaction Report*, STR) dan laporan nilai ambang tunai (*Cash Threshold Report*, CTR) untuk memudahkan proses pemantauan, penyiasatan dan penguatkuasaan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang.
- Langkah ini juga memberikan penunjuk yang jelas bahawa usaha untuk meningkatkan integriti kewangan di Malaysia bukan sahaja merupakan tanggungjawab penggubal dasar dan agensi penguatkuasaan undang-undang malah orang ramai juga boleh memainkan peranan yang penting. Langkah ini memerlukan bantuan orang ramai untuk menegaskan bahawa transaksi yang bernilai tinggi dilakukan melalui medium pembayaran yang boleh dijejaki tanpa menimbulkan sebarang kerugian kewangan kepada mereka. Hasil pengawasan orang ramai akan lebih menyukarkan penjenayah untuk menyalahgunakan sistem kewangan untuk tujuan keuntungan mereka sendiri.

**Apakah perbezaan antara had transaksi tunai (CTL) dan laporan nilai ambang tunai (CTR)?**

- Had transaksi tunai (CTL) ialah had yang ditetapkan ke atas transaksi wang tunai manakala laporan nilai ambang tunai (CTR) merujuk kepada keperluan bagi institusi pelapor (seperti bank, institusi kewangan pembangunan terpilih, Lembaga Tabung Haji, kasino) untuk melaporkan sebarang transaksi tunai, termasuk deposit atau pengeluaran tunai, yang berjumlah RM25,000 atau lebih dalam sehari kepada Bank Negara Malaysia.
- Tiada had yang ditetapkan bagi jumlah wang tunai semua transaksi dengan atau melalui bank berlesen dan institusi kewangan pembangunan. Walau bagaimanapun, transaksi tersebut masih tertakluk kepada laporan nilai ambang tunai (CTR) serta peraturan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan seperti usaha wajar pelanggan (*Customer Due Diligence*, CCD) dan laporan transaksi yang mencurigakan (*Suspicious Transaction Report*, STR)

**Apakah had yang dicadangkan untuk transaksi tunai di Malaysia?**

- Tiada keputusan yang telah dibuat mengenai had transaksi tunai di Malaysia setakat ini. Proses yang sedang dijalankan ini merupakan konsultasi awam yang bertujuan mendapatkan maklum balas daripada anda.

| **Adakah negara-negara lain telah melaksanakan inisiatif yang sama?** |
| --- |
| • Ya. Beberapa buah negara di Eropah seperti Perancis, Sepanyol dan Itali telah melaksanakannya. United Kingdom juga mempunyai peraturan yang sama menerusi penyeliaannya terhadap *High Value Dealers (HVD)*. HVD merupakan perniagaan atau peniaga tunggal yang menerima atau membuat pembayaran sebanyak €10,000 atau lebih. Di Asia-Pasifik, India telah memperkenalkan langkah ini. Australia dan Indonesia pula sedang dalam proses melaksanakan had transaksi tunai. |
| **Adakah had transaksi tunai meliputi urus niaga mata wang asing di Malaysia?** |
| • Peraturan pentadbiran pertukaran asing yang sedia ada (*foreign exchange administration*, FEA) masih terpakai. Pembayaran antara pemastautin di Malaysia hendaklah menggunakan mata wang ringgit kecuali pembayaran yang dinyatakan di bawah peraturan yang sedia ada. Untuk maklumat lanjut mengenai peraturan sedia ada FEA, sila layari www.bnm.my/fea. |
| **Bagaimanakah had transaksi tunai akan dikuatkuasakan?** |
| • Tindakan penguatkuasaan akan memberikan tumpuan pada transaksi yang ada kaitannya dengan aktiviti haram dan bukannya ke atas transaksi aktiviti perniagaan yang sah. |

**Senario untuk had transaksi tunai**

*Sebagai ilustrasi untuk aplikasi langkah yang dicadangkan, had transaksi tunai diandaikan pada nilai RM50,000 dengan pengecualian untuk sebahagian besar institusi kewangan dan keadaan situasi mendesak. Pembayaran wang tunai secara fizikal melebihi jumlah RM50,000 dalam transaksi tunggal tidak dibenarkan. Pembayaran berbilang transaksi juga dianggap sebagai transaksi tunggal jika ia dibuat dengan individu yang sama, untuk tujuan yang sama dan pada hari yang sama. Tindakan untuk mengelak had transaksi tunai tersebut adalah satu kesalahan.*

1. **Apakah jenis transaksi yang tertakluk kepada had transaksi tunai?**

   Ia melibatkan semua transaksi wang tunai fizikal. Walaubagaimanapun, transaksi tunai dengan atau melalui institusi kewangan (contohnya bank berlesen, institusi kewangan pembangunan, perniagaan perkhidmatan kewangan) dan transaksi tunai dalam situasi mendesak dengan kelulusan Menteri Kewangan berdasarkan saranan Bank Negara Malaysia adalah dikecualikan daripada had transaksi tunai.

2. **Barangan yang dibeli bernilai RM51,000. Bolehkah pembayaran dibuat menggunakan wang tunai?**

   Tidak boleh. Pembayaran perlu dibuat sama ada secara elektronik, menggunakan cek atau melalui institusi kewangan.

3. **Harga barangan yang dibeli ialah RM100,000. Bolehkah saya membayar sebahagiannya secara tunai (contoh: RM 40,000) dan bakinya dibayar secara elektronik, menggunakan cek atau melalui institusi kewangan?**

   Boleh, komponen wang tunai fizikal dalam transaksi tunggal ini di bawah RM50,000.

4. **Harga barang yang dibeli ialah RM100,000. Bolehkah saya membayar sebahagiannya menggunakan wang tunai (contohnya RM70,000), dan**

**bakinya dibayar secara elektronik, menggunakan cek atau melalui institusi kewangan?**

Tidak boleh, kerana komponen wang tunai fizikal dalam transaksi tunggal ini melebihi RM50,000.

5. **Harga barangan yang dibeli ialah RM60,000. Bolehkah saya membayarnya melalui enam transaksi tunai berasingan bernilai RM10,000 setiap satu di dalam hari yang sama?**

Tidak boleh. Transaksi yang dilakukan beberapa kali secara berasingan dengan pihak yang sama, untuk tujuan yang sama dan pada hari yang sama masih dikira sebagai satu transaksi tunggal. Membahagikan transaksi pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan kepada beberapa transaksi kecil bagi mengelakkan had transaksi tunai adalah dilarang.

6. **Bolehkah saya mendepositkan RM60,000 ke dalam akaun bank saya?**

Boleh. Transaksi tunai (seperti deposit, pengeluaran, pembayaran atau pindahan) yang dilakukan dengan atau melalui bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dikecualikan daripada had transaksi tunai. Hal ini merangkumi semua bank komersial – konvensional dan bank Islamik.

7. **Harga kenderaan yang dibeli ialah RM60,000. Bolehkah saya membuat bayaran ansuran bulanan RM 2,000 dengan bank untuk tempoh 30 bulan seterusnya?**

Boleh, transaksi tunai (seperti deposit, pengeluaran, pembayaran atau pindahan) yang dilakukan dengan atau melalui bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dikecualikan daripada had transaksi tunai.

**8. Di manakah saya boleh mendapatkan senarai institusi kewangan yang dikecualikan daripada had transaksi tunai ini?**

Anda boleh merujuk pautan-pautan yang berikut:

(a) bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013:
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=banking&type=CB&lang=bm

(b) bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:

http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&lang=bm and
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=iib&type=IIB&lang=bm

(c) perniagaan perkhidmatan wang berlesen (seperti pengurup wang, penyedia perkhidmatan kiriman wang dan pemborong mata wang)::
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=fs_msb&pg=fs_msb_regulatees&ac=134&lang=bm

(d) institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan:

http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=fs_mfs&pg=fs_mfs_dfi&ac=162&lang=bm

**9. Sebuah kereta terpakai dijual pada harga RM60,000. Transaksi ini adalah antara dua individu tanpa melibatkan mana-mana institusi kewangan. Bolehkah saya membayar kepada penjual itu RM2,000 secara ansuran untuk tempoh 30 bulan seterusnya?**

Boleh. Pemecahan pembayaran kepada beberapa jumlah kecil transaksi untuk tujuan yang sah adalah dibenarkan (seperti bayaran ansuran secara tunai). Namun begitu, setiap pembayaran ansuran tersebut tidak boleh menggunakan wang tunai fizikal melebihi RM50,000.

**10. Bolehkah saya memindahkan RM60,000 secara tunai kepada individu lain?**

Tidak boleh. Peraturan ini merangkumi, semua transaksi wang tunai fizikal termasuk transaksi antara individu ke individu. Oleh itu, transaksi ini akan

melanggar had yang telah ditetapkan. Pindahan yang melebihi RM50,000 perlu dibuat secara elektronik,  menggunakan cek atau melalui institusi kewangan.

**11. Bolehkah saya menderma RM60,000 wang tunai kepada sebuah badan amal atau NGO pilihan saya?**

Tidak boleh. Peraturan ini merangkumi transaksi tunai entiti ke entiti dan entiti ke individu (dan sebaliknya). Oleh itu, transaksi ini melanggar had yang telah ditetapkan. Bayaran derma yang melebihi RM50,000 perlu dilakukan secara elektronik, menggunakan cek atau melalui institusi kewangan.

**12. Bolehkah saya membayar gaji bernilai RM2,000 (andaian 30 orang pekerja) kepada setiap pekerja menggunakan wang tunai?**

Boleh. Transaksi tunai kepada pelbagai pihak yang berbeza tidak akan dijumlahkan untuk tujuan had transaksi tunai Selagi transaksi tunai secara fizikal kepada setiap pekerja tidak melebihi had tersebut.

**13. Bolehkah saya membayar atau memindahkan wang tunai secara fizikal kepada orang tengah yang kemudiannya akan menggunakan wang tunai tersebut untuk membayar gaji pekerja (andaian 30 pekerja dengan gaji sebanyak RM2,000 sebulan)?**

Boleh, dengan syarat pindahan/pembayaran wang tunai secara fizikal kepada orang tengah tersebut tidak melebihi had transaksi tunai yang telah ditetapkan. Dalam senario ini, pindahan/pembayaran yang dibuat berjumlah RM60,000, iaitu melebihi had transaksi tunai yang telah ditetapkan. Oleh itu, transaksi tersebut adalah tidak dibenarkan.

**14. Saya mempunyai USD20,000 dalam bentuk tunai. Bolehkah saya menukarkan wang itu kepada ringgit dengan pengurup wang berlesen melalui kaunter dan menerima keseluruhan wang tunai dalam ringgit?**

Boleh. Transaksi yang dilakukan dengan pengurup wang yang berlesen tidak tertakluk kepada had transaksi tunai.

**15. Saya dan isteri ingin membayar deposit untuk pembelian sebuah kondominium yang bernilai RM60,000 kepada pemaju. Bolehkah kami mengeluarkan wang tunai itu daripada bank masing-masing secara berasingan dan membayar deposit tersebut?**

Tidak boleh. Anda hanya boleh membayar wang tunai sebanyak RM50,000 kepada pemaju tersebut. Jumlah selebihnya perlu dibayar secara elektronik ataupun menggunakan cek. Sebagai alternatif, anda dan isteri anda boleh mengarahkan bank untuk melakukan pindahan dana kepada akaun pemaju tersebut tanpa perlu membuat pengeluaran wang tunai.

**16. Adakah had transaksi tunai tersebut terpakai untuk transaksi mata wang asing di Malaysia?**

Peraturan pentadbiran pertukaran asing yang sedia ada adalah terpakai. Pembayaran antara pemastautin di Malaysia perlu menggunakan ringgit kecuali pembayaran yang dinyatakan bawah peraturan sedia ada. Untuk maklumat lanjut mengenai peraturan pentadbiran wang asing, sila layari bnm.my/fea

**17. Bagaimanakah had transaksi tunai dikuatkuasakan?**

Membuat pecahan atau menstruktur transaksi dengan niat sengaja mengelakkan had ini adalah suatu kesalahan. Jika didapati bersalah, pembayar dan penerima bayaran akan dikenakan denda tidak melebihi tiga kali jumlah atau nilai keseluruhan transaksi pada masa kesalahan itu dilakukan. Tindakan

penguatkuasaan akan tertumpu pada transaksi yang dikaitkan dengan aktiviti haram, dan bukannya aktiviti yang menyokong perniagaan yang sah.

# Langkah mengehadkan transaksi tunai bernilai tinggi dapat mengurangkan penyalahgunaan wang tunai untuk tujuan jenayah

## Mengapa perlu had transaksi tunai?



### Wang tunai sukar dikenal pasti dan dijejaki

- Medium pertukaran yang ideal untuk pengubahan hasil keuntungan daripada aktiviti haram
- Penjenayah boleh menyembunyikan identiti pemilikan sebenar dan sumber dana apabila menggunakan wang tunai



### Wang tunai memudahkan aktiviti haram

- Wang tunai kerap digunakan dalam aktiviti haram, terutamanya jenayah berisiko tinggi seperti rasuah, penipuan, penyeludupan, pengedaran dadah dan jenayah terancang
- Ini terbukti dengan rampasan jumlah wang tunai yang besar melalui tindakan penguatkuasaan



### Aktiviti haram menjejaskan rakyat dan perniagaan yang patuh undang-undang

- Perniagaan dan individu yang patuh undang-undang akan menerima kesan negatif jika aktiviti haram tidak ditangani
- Orang ramai berisiko untuk membantu pengubahan wang haram dan aktiviti haram tanpa disedari apabila terlibat dengan transaksi tunai bernilai tinggi

# Had transaksi tunai (CTL) bertujuan memperkukuh integriti kewangan

| CTL… | CTL tidak… |
| --- | --- |
| …melibatkan **wang tunai** sahaja (wang kertas dan duit syiling) | …melibatkan **transaksi wang tunai bukan fizikal** (cth. secara elektronik, cek) |
| …ialah had yang ditetapkan bagi **setiap transaksi tunai** | …melibatkan **jumlah transaksi tunai** harian. Semua pihak boleh mempunyai pelbagai transaksi yang berbeza |
| …melibatkan **transaksi antara pelbagai pihak** | …melibat **pengumpulan, pemegangan** atau **penyimpanan** wang tunai |
| …**dikecualikan** bagi transaksi yang dibuat dengan atau melalui **institusi kewangan (IK)** | …menjejaskan **deposit**, **pengeluaran**, **pindahan**, **pembayaran balik hutang** atau **pertukaran wang** melalui IK |
| …menyasarkan **transaksi bernilai tinggi** yang mempunyai risiko lebih tinggi untuk disalah guna | …menjejaskan kebanyakan **pembayaran tunai** tunggal – yang majoritinya bagi pembayaran bernilai kecil |

CTL tidak seharusnya disalahertikan dengan keperluan laporan nilai ambang tunai (CTR), yang merujuk kepada kewajipan institusi pelapor untuk **melaporkan** sebarang transaksi tunai termasuk deposit atau pengeluaran, berjumlah RM25,000 atau lebih kepada Bank Negara Malaysia

# Cadangan untuk mengehadkan pembayaran tunai bukan cadangan baharu atau hanya dilaksanakan di Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| *Perancis* |  | • Pemastautin: sehingga EUR1,000 untuk tujuan percukaian aktiviti profesional<br>• Bukan pemastautin: sehingga EUR15,000 (bukan untuk tujuan profesional)<br>• Pejabat kerajaan tempatan: Sehingga EUR300 |
| *Sepanyol* |  | • Pemastautin: Sehingga EUR2,500 apabila salah satu pihak merupakan majikan atau profesional<br>• Bukan pemastautin: Sehingga EUR15,000 |
| *Itali* |  | • Pemastautin: Sehingga EUR2,999<br>• Bukan pemastautin: Sehingga EUR15,000 untuk transaksi berkaitan dengan pelancongan |
| *UK* |  | • Tidak boleh menerima atau membuat transaksi tunai bernilai tinggi (EUR10,000 atau lebih) kecuali pihak itu berdaftar sebagai peniaga (*dealer*) bernilai tinggi |
| *India* |  | • Had ke atas semua transaksi tunai yang bersamaan atau melebihi INR200,000<br>• Pengecualian: bayaran daripada Kerajaan, pejabat pos, bank dan bank koperasi |
| *Australia* |  | • Had ke atas semua transaksi tunai bersamaan dengan atau melebihi AUD10,000<br>• Pengecualian: semua deposit dan pengeluaran tunai daripada akaun bank institusi pengambil deposit berlesen, pertukaran mata wang asing dan semua transaksi pengguna-kepada-pengguna, kecuali transaksi harta tanah |
| *Indonesia* |  | • Cadangan rang undang-undang pada 2018 untuk mengehadkan sebarang pembayaran tunai sehingga jumlah maksimum Rp100,000,000 |

*Nota : Untuk keterangan lanjut, sila lawati laman sesawang pihak berkuasa yang berkenaan*